



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



FAKTOR KRITIKAL PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN
HALAL (MS1900) DALAM INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
SELEPAS PASCA ENDEMIK COVID-19

THE CRITICAL FACTORS IN IMPLEMENTING HALAL MANAGEMENT
SYSTEMS (MS1900) IN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS AFTER THE
COVID-19 ENDEMIC

Hasan Al-Banna Mohamed^{1*}, Siti Arni Basir², Elmi Baharuddin³, Rayyan Cheong Tian Ming Abdullah⁴, Mahazan Abdul Mutalib@Taib⁵

- ¹ Department of Management, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Malaysia
Email: hasanalbanna@upnm.edu.my
- ² Department of Siasah as-Syar'iyah, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Malaysia
Email: sitiarni@um.edu.my
- ³ Department of Quranic Studies and Hadith, Academy of Islamic Studies and Defence, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Malaysia
Email: elmi@upnm.edu.my
- ⁴ Department of Management, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Malaysia
Email: rayyanming@upnm.edu.my
- ⁵ Department of Da'wah dan Islamic Management, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: mahazan@usim.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info: Article history: Received date: 15.08.2024 Revised date: 12.09.2024 Accepted date: 05.02.2025 Published date: 03.03.2025 To cite this document: Mohamed, H. A., Basir, S. A., Baharuddin, E., Rayyan Cheong, T. M. A., & Abdul Mutalib@Tahir, M. (2025). Faktor Kritikal Pelaksanaan Sistem Pengurusan Halal (MS1900)	Abstrak: Sistem Pengurusan Kualiti <i>Halal</i> atau Berasaskan Syariah MS1900:2014 telah diwujudkan di Malaysia sejak tahun 2005. Sistem pengurusan kualiti ini telah disesuaikan ke dalam sistem bertaraf antarabangsa yang baru-baru ini diperkenalkan oleh Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), iaitu dikenali dengan 'Sistem Pengurusan Kualiti <i>Halal</i> – Suatu Keperluan' (OIC/ SMIIC 18:2021) yang pertama kali diterbitkan pada Mac 2021. Sistem Pengurusan Kualiti <i>Halal</i> ini amat penting bagi memastikan tadbir urus sesebuah organisasi dapat dilaksanakan dengan berkesan dan lebih penting lagi ia menepati piawaian dan mematuhi kehendak Syariah. Kajian ini menggunakan kajian perpustakaan dengan merujuk kepada sorotan literatur yang berkaitan menerusi metodologi pembinaan tema atau kategori yang berkenaan. Oleh itu, artikel ini memfokuskan kepada faktor-faktor kritikal yang perlu untuk mengekalkan
---	---

Dalam Institusi Pengajian Tinggi Selepas Pasca Endemik COVID-19. *International Journal of Modern Education*, 7 (24), 80-98.

DOI: 10.35631/IJMOE.724005

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



pelaksanaan sistem pengurusan kualiti. Antara faktor kritikal yang terlibat ialah komitmen pihak pengurusan, penglibatan pekerja, penekanan kepada nilai moral dan kerohanian, pendidikan dan latihan berterusan, manakala faktor terakhir ialah amalan inovasi dan kreativiti. Faktor-faktor tersebut perlu didokongi dengan pendekatan Islam yang berteraskan *Maqasid Syariah* agar impaknya bukan sahaja pada aspek luaran, tetapi juga merangkumi aspek Insaniyyah (kerohanian) dan diberkati demi mencapai kejayaan sebenar (*Al-Falah*), demi kejayaan dunia dan akhirat.

Kata Kunci:

Halal, Insaniyyah (Kerohanian), Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah, MS 1900:2014, Kelestarian

Abstract:

The *Halal* or Shariah-Based Quality Management System MS1900:2014 has been established in Malaysia since 2005. The quality management system has been adapted into an international standard system that was recently introduced by the Organization of Islamic Cooperation (OIC), which is with its name is the standard '*Halal* Quality Management System - Requirements' (OIC/ SMIIC 18:2021) which was first published on March, 2021. This *Halal* Quality Management System is very essential to ensure the governance of an organization can be effectively implemented and more importantly it meets the standards which is standard and complies with *Shariah* requirements. This study uses a library research by referring to the relevant literature reviews through the methodology of building themes or related categories. Therefore, this article focuses on critical factors that are necessary to sustain the implementation of the quality management system. Among the critical factors involved are the commitment of the management, employee's involvement, emphasis on moral and spiritual values, continuous education and training, while the last factor is the practice of innovation and creativity. These factors should be supported by an Islamic approach based on *Maqasid Shariah* so that the impact is not only in external aspect, but also includes *Insaniyyah* aspect and is blessed in order to achieve real success (*Al-Falah*), which is worldly and hereafter success.

Keywords:

Halal, *Insaniyyah* (Spiritual), *Shariah*-Based Quality Management System, MS 1900:2014, Sustainability

Pengenalan

Kelestarian mengekalkan sesebuah organisasi untuk melaksanakan sistem pengurusan kualiti merupakan satu keputusan yang sangat penting bagi pihak pengurusan organisasi, apatah lagi selepas pasca COVID-19. Banyak syarikat kecil mahupun organisasi besar yang terpaksa menutup dan menanggung kerugian akibat hilangnya pelanggan dan tidak ada lagi keuntungan. Pada masa kini, isu-isu yang wujud dalam organisasi yang mempunyai kitaran yang sangat pantas dengan pelbagai cabaran lain yang semakin sukar telah menyebabkan organisasi harus bertindak mengikut kesesuaian masa dan keperluan pelanggan yang sering berubah (Min et al., 2018).

Organisasi yang ingin melestarikan dan mengekalkan sistem pengurusan yang berkualiti juga turut terkesan selepas endemik ini. Segelintir syarikat seluruh dunia terpaksa bergelut untuk terus bertahan dalam perkhidmatan dan perniagaan masing-masing, jualan yang semakin berkurangan dan peningkatan tahap ketidakpastian tentang masa depan yang semakin merungsingkan (Chatzistelios et al., 2022).

Kebanyakan organisasi sudah tidak mementingkan pensijilan sistem pengurusan kualiti (SPK) lagi, wujud segelintir pengurusan yang bercadang untuk tidak menyambung lagi pensijilan piawaian antarabangsa akibat dari ketidakcukupan bajet kewangan yang ada, kurangnya kemahiran para pekerja untuk melaksanakannya dan lain-lain (Hasan Al-Banna et al., 2024). Hal ini demikian kerana selepas endemik tersebut, sumber kewangan yang semakin mengecil dan kos barangan semakin meningkat yang mengakibatkan tumpuan utama pengurusan kepada aspek yang lain (Anessi-Pessina et al., 2020). Selain itu, ramai pekerja yang tidak berprestasi tinggi dibuang kerja, tertekan dengan kos yang tinggi dan gaji yang rendah, di samping bebanan tugas semakin bertambah.

Rentetan dari itu, organisasi terpaksa berdepan dengan cabaran dalam mengekalkan prestasi produktiviti, semangat motivasi pekerja sepanjang masa, dan juga aspek kepuasan dan kesetiaan pekerja dengan syarikat yang sama sehingga pencen atau bersara. Di samping itu, syarikat perlu melakukan penilaian secara kritikal dan berstrategik demi kelangsungan kewujudannya pada masa akan datang (Donthu & Gustafsson, 2020).

Malahan, peratusan pusing ganti dalam kalangan pekerja muda juga turut membimbangkan pihak pengurusan disebabkan golongan ini suka bertukar kerjaya dalam masa yang singkat demi mencari keseronokan dan kepuasan dari aspek kewangan semata-mata (Arwa & Siti Arni, 2022). Sikap dan tingkah laku pengguna terhadap perkhidmatan atau produk juga turut berubah selepas endemik ini terjadi (Maryati, 2020). Selain itu, segelintir pihak pengurusan juga tidak memberi sokongan dan dorongan kepada para pekerja mereka sendiri (Aristana et al., 2022). Malah perkara sebegini jika tidak diuruskan sebaiknya, bakal merosakkan kelestarian organisasi pada masa akan datang.

Justeru, jika disoroti pengalaman dan tren organisasi pada masa sebelum pandemik didapati kebanyakan organisasi lebih berfokuskan untuk memastikan kejayaan dan pencapaian diteruskan sepanjang masa. Malahan, pihak pengurusan terus berusaha untuk memperoleh pensijilan piawaian di peringkat antarabangsa demi mengekalkan kecemerlangan dan pengiktirafan serta meningkatkan imej di mata pesaing dan pihak luar. Namun, selepas endemik suasana seperti itu semakin berkurangan dan ia membimbangkan kemungkinan syarikat-syarikat kecil terpaksa tutup dan tidak mampu bersaing dengan pihak lain.

Hal ini jika dirujuk kepada penyelidikan-penyelidikan lampau, masih wujud jurang dalam membicarakan pengalaman sesebuah organisasi yang memperoleh pensijilan SPK sama ada pelbagai piawaian daripada Pertubuhan Piawaian Antarabangsa (*International Organization for Standardization* – ISO) atau aspek kualiti pengurusan lain yang membincangkan cabaran-cabaran yang harus dihadapi demi kelestarian organisasi masing-masing (Fundin et al., 2018; Fundin et al., 2020). Perkara sebegini sangat penting bagi memberi panduan dan petunjuk utama kepada syarikat lain agar mampu mengikuti teladan dan mengambil contoh amalan terbaik dalam mengurus tadbir sistem pengurusan masing-masing dengan sebaiknya

Sorotan Kajian

Artikel ini akan membincangkan beberapa sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan ini yang membabitkan antaranya perbincangan tentang sistem pengurusan *Halal* atau Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (MS1900:2014) dan beberapa faktor kelestarian terhadap pelaksanaan sistem pengurusan kualiti dalam sesebuah organisasi.

Sistem Pengurusan Halal atau Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (MS 1900:2014)

Pelaksanaan Sistem Pengurusan *Halal* atau Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Berasaskan Syariah (MS 1900:2014) adalah penting untuk menjamin pengeluaran sesuatu produk *Halal* dan perkhidmatan yang tulen untuk pengguna (Aghwan & Regenstein, 2019). Sistem ini mengintegrasikan nilai-nilai asas seperti keadilan, kejujuran, kebenaran, keikhlasan, ketepatan masa dan disiplin ke dalam amalan pengurusan kualiti (Bustamam, 2023). Sistem jaminan *Halal* diasaskan pada prinsip Pengurusan Kualiti Menyeluruh (*Total Quality Management - TQM*) yang memfokuskan pada komitmen, keperluan pelanggan, peningkatan yang cekap, dan pembuatan produk tanpa cacat atau ketidakcekapan (Tan et al., 2017). Keberkesanan sistem tadbir urus Syariah adalah penting untuk menentukan elemen kualiti pematuhan Syariah yang sesuai dalam operasi sesebuah organisasi (Alam et al., 2021). Malahan, piawaian MS 1900 menyerlahkan lagi kepentingan menggabungkan elemen pengurusan seperti perancangan strategik, pengurusan maklumat, pengurusan atasan, pengurusan proses, sumber manusia dan tumpuan pelanggan untuk membangunkan produk atau perkhidmatan yang patuh Syariah (Karim et al., 2020).


Sebelum pelaksanaan sistem pengurusan *Halal* di Malaysia, sistem jaminan *Halal* adalah bergantung pada prinsip jaminan kualiti, memerlukan komitmen, keperluan pengguna, dan penambahbaikan kos efektif (Hamid et al., 2022). Sistem-sistem ini boleh melaksanakan prinsip pengurusan seperti Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), dan piawaian ISO 9000 (Anggarkasih & Resma, 2022). Urusan rantai bekalan *Halal* melibatkan penggabungan sistem kualiti kontemporari dengan piawaian pengurusan *Halal* untuk menjamin kemampuhan dan penggunaan yang baik dan sihat. Sistem jaminan *Halal* adalah rangka kerja yang digunakan oleh syarikat untuk melaksanakan proses pengeluaran produk yang *Halal* dan berkualiti (Purwanto et al., 2020). Oleh itu, pematuhan yang konsisten terhadap piawaian *Halal* tertentu adalah penting untuk melaksanakan amalan pengurusan *Halal*, memastikan bahawa standard keselamatan, keberkesanan, prestasi, kualiti dan kebersihan produk dikekalkan sepanjang proses pembuatan atau sesuatu produk (Othman et al., 2023).

Sistem Pengurusan *Halal* di peringkat antarabangsa telahpun diwujudkan oleh pihak OIC dengan berdasarkan prinsip-prinsip utama dari piawaian system pengurusan kualiti berasaskan Syariah yang mula diperkenalkan oleh Malaysia sejak tahun 2005 lagi. Sistem pengurusan ini dikenali sebagai MS 1900:2014 dengan nama asalnya Sistem Pengurusan Kualiti Menurut Perspektif Islam (MS 1900:2005), kemudiannya ditambah baik dan dipinda ke versi baharu pada tahun 2014.

Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah ataupun Sistem Pengurusan *Halal* ini sememangnya diwujudkan bertujuan untuk memastikan pelaksanaan peroperasian sesuatu produk atau perkhidmatan adalah mematuhi kepada kehendak Syariah dan tidak melanggar sebarang ketetapan yang menyalahi kepada Maqasid Syariah dalam ajaran Islam. Di Malaysia sebagai contohnya, piawaian ini telahpun mula diperkenalkan sejak tahun 2005 lagi menerusi

idea pencetusnya oleh Tun Ahmad Sarji yang berjaya menubuhkan satu jawatankuasa penggerak yang dikenali sebagai Jawatankuasa *Standard* Industri Malaysia (*Industrial Standards Commitees* - ISC I). Jawatankuasa ini telah mewujudkan piawaian pertama di dunia dalam memastikan produk atau perkhidmatan mematuhi Syariah iaitu dikenali dengan piawaian Sistem Pengurusan Kualiti Menurut Perspektif Islam (MS1900:2005). Kemudian setelah mengalami beberapa tahun perkembangannya, ia ditukar nama baharu iaitu Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah pada tahun 2014. Beberapa pindaan telah dilaksanakan antaranya iaitu: (1) Nama piawaian yang diubah. (2) Struktur asas berkenaan dengan elemen-elemen Syariah dipinda kedudukannya. (3) Pengenalan berkaitan dengan keperluan aspek kawalan kritikal Syari'ah dalam proses dan aktiviti organisasi. (4) Pengenalan kepada pengurusan nilai-nilai organisasi. (5) Pengenalan terhadap panduan kegunaan piawaian MS 1900. Berikut adalah model pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti *Halal* (MS1900 versi 2014) yang dijadikan panduan oleh sesebuah organisasi apabila hendak melaksanakannya seperti dalam Rajah 1.

Rajah 1: Model Sistem Pengurusan Kualiti *Halal* (MS1900)



Sumber: Piawaian MS 1900:2014, SIRIM QAS *International* Sdn. Bhd.

Faktor Kelestarian Sistem Pengurusan Kualiti

Organisasi yang bertujuan menggabungkan faktor-faktor seperti persekitaran, sosial dan ekonomi ke dalam amalan pengurusan mereka mesti mengutamakan kelestarian Sistem Pengurusan Kualiti (SPK). Pelbagai kajian telah menekankan kesan besar amalan pengurusan kualiti terhadap objektif kelestarian (Nguyen et al., 2018). Adalah penting untuk mencipta dan menyesuaikan amalan pengurusan dan alat kualiti untuk menggabungkan faktor kemampanan, menonjolkan kepentingan menjajarkan pengurusan kualiti dengan pembangunan yang mampan (Siva et al., 2016). Selain itu, aspek mengendalikan keperluan dan jangkaan pihak berkepentingan yang berkesan turut dianggap penting untuk meningkatkan keupayaan dan prestasi pengurusan kemampanan dalam pengurusan kualiti (Bastas & Liyanage, 2018).

Di samping itu, amalan pengurusan kualiti juga berperanan untuk kemampanan institusi pendidikan tinggi, dengan inovasi tepat pada masanya dalam mencapai prestasi yang mampan (Malik & Chaudhry, 2022). Tambahan pula, penggabungan konsep kelestarian ke dalam sistem dan prosedur pengurusan sedia ada, menerusi sokongan pemimpin dan akses mudah kepada sumber, adalah dianggap elemen penting untuk mencapai kemampanan (Bastas & Liyanage, 2021). Di samping itu, amalan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (PKM) turut mempengaruhi kelestarian dan prestasi organisasi secara positif dengan memberi tumpuan kepada penyelenggaraan sistem yang berkekalan dengan mengambil kira aspek ekonomi, alam sekitar dan sosial (Wassan et al., 2022).

Amalan kelestarian di universiti memberi kesan kepada kualiti, kerana faktor akreditasi yang dikaitkan dengan kemampanan menyumbang kepada jaminan kualiti pendidikan tinggi (Hernández-Díaz et al., 2020). Prinsip pengurusan kualiti telah dicadangkan sebagai satu cara untuk merapatkan jurang antara kemampanan dengan matlamat untuk mendidik pelajar tentang amalan kelestarian secara berkesan (Rusinko, 2005). Rentetan itu, model kecemerlangan telah diubah suai untuk menyokong kelestarian dalam sistem kualiti universiti dengan menonjolkan kepentingan melaksanakan sistem pengurusan kualiti, amalan alam sekitar dan budaya keselamatan untuk memenuhi piawaian pelanggan secara global (Medne et al., 2020).

Selain itu, integrasi kelestarian ke dalam operasi sesebuah organisasi, pengurusan pihak berkepentingan, dan tumpuan pelanggan yang menggunakan prinsip pengurusan kualiti dilihat sebagai salah satu cara untuk menggalakkan kemampanan dan memenuhi keperluan pihak berkepentingan (Manresa & Rivera, 2021). Kepentingan kelestarian dalam Pengurusan Kualiti Menyeluruh (PKM) telah diketengahkan, yang menghubungkan dua komponen penting dalam literatur pengurusan (Yeşilyurt et al., 2022). Oleh yang demikian, aspek pengurusan dan etika organisasi adalah penting untuk meningkatkan kemampanan dengan menekankan peranan pelengkap kepada pengurusan kualiti dan tingkah laku beretika (Guidara, 2022).

Jika disoroti kepada beberapa kajian-kajian lepas, penulis mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kelestarian pelaksanaan sistem pengurusan kualiti dalam sesebuah organisasi sama ada sebelum pandemik mahupun selepas endemik. Antara penyelidikan yang dilakukan oleh para sarjana dalam negara atau luar negara, ramai memfokuskan kepada faktor-faktor insaniah atau dalaman (soft factors) berbanding dengan faktor luaran (hard factors). Antaranya, kajian yang dilaksanakan oleh Alkhalidi dan Abdallah (2022), Fundin et al. (2020) serta kajian oleh Beck dan Cowan (2000), yang majoritinya mengemukakan aspek kemanusiaan (insaniah) seperti sokongan pengurusan, penglibatan para pekerja, penekanan kepada nilai murni dan kerohanian serta penumpuan kepada elemen inovasi dan kreativiti yang mampu mengekalkan prestasi syarikat masing-masing sehingga ke hari ini.

Di samping itu, ramai sarjana menyarankan agar sistem pengurusan kualiti (SPK) tersebut diintegrasikan dengan elemen-elemen inovasi lain serta bertepatan dengan 17 Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals - SDG) bagi memastikan pelaksanaannya adalah relevan dalam organisasi pada masa-masa akan datang (Fundin, 2018). Kenyataan ini ditegaskan lagi oleh kajian oleh Kutty et al. (2021) dalam kajian mereka yang menyatakan bahawa terdapat 12 peringkat sistem perancangan sebagai satu alat pemantauan dan pengawalan untuk memastikan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti terus dikekalkan dalam sesebuah organisasi. Di bawah menunjukkan 12 peringkat perancangan untuk integrasi pelaksanaan SPK dalam sesebuah organisasi seperti yang disarankan oleh Kutty et al. (2021):

1. Menganalisis matlamat, objektif dan strategi
2. Mencirikan proses kajian Sistem Pengurusan Kualiti (SPK).
3. Mengumpul data input, maklumat dan mematuhi piawaian dan peraturan antarabangsa.
4. Memperuntukkan sumber yang optimum untuk semua peringkat kajian Sistem Pengurusan Kualiti.
5. Membangunkan model perancangan untuk pengurusan kualiti berdasarkan sumber yang diperuntukkan dan strategi yang diguna pakai.
6. Mereka bentuk model dasar yang menyokong proses penyemakan dasar.
7. Menstrukturkan Pelan Tindakan Pengurusan Kualiti berdasarkan dasar dan model perancangan yang dibangunkan.
8. Mewujudkan Sistem Penilaian Prestasi berdasarkan Pelan Tindakan Pengurusan Kualiti yang direka bentuk.
9. Mengenal pasti, mengukur dan menguji, berdasarkan Sistem Penilaian Prestasi.
10. Melaksanakan Pelan Tindakan Pengurusan Kualiti.
11. Menilai berdasarkan Sistem Penilaian Prestasi.
12. Semakan dan pengubahsuaian sistem.

Dapatan tersebut juga turut menyamai hasil kajian yang dijalankan oleh Silva et al. (2021) yang menyarankan SPK ini harus juga diintegrasikan dengan peranan pemimpin atau pengurus kualiti (Ranängen, 2015) dalam sesebuah organisasi yang telah memperoleh pensijilan piawaian tertentu.

Antara faktor kelestarian organisasi dalam mengekalkan piawaian kualiti di peringkat antarabangsa yang akan dibincangkan dalam penulisan ini adalah seperti berikut:

Sokongan Pemimpin dan Pengurus Kualiti

The goal of sustainable tourism is to reduce poverty, respect socio-cultural authenticity..... (TNR, 12, single spacing, justify). Sokongan pihak pengurusan organisasi sememangnya menjadi satu keutamaan dalam memastikan kelestariannya pada masa akan datang. Pihak pemimpin dianggap sebagai kunci penting dalam kejayaan dan kelangsungan sesebuah organisasi (Maupa et al., 2019; Ahmad @ Mohamad et al., 2022), terutamanya aspek sistem pengurusan kualiti yang efektif (Mehdi et al., 2022). Banyak sudah syarikat sama ada kecil atau besar terpaksa menutup operasinya disebabkan tidak berupaya untuk bersaing dan mengekalkan prestasi kejayaannya selepas pasca COVID-19 yang lalu. Suasana kini sudah berubah secara total, syarikat tidak boleh lagi meneruskan operasi perkhidmatan atau pengeluaran produk dengan kaedah yang sama seperti dahulu. Pihak pengurusan dan para pekerja harus bertindak berubah dengan segera demi memastikan pelanggan masih setia dengan mereka. Perkara ini didokong oleh Roslina (2012) yang menegaskan bahawa sokongan dan komitmen pihak pemimpin atau pengurus kualiti adalah salah satu dasar kelangsungan dalam mengekalkan pensijilan piawaian berkualiti sepanjang masa. Aspek komitmen semestinya amat penting dalam kepimpinan disebabkan merekalah yang berupaya memberi panduan yang jelas kepada para pekerja dan membantu untuk menyelaraskan setiap tindakan mereka (Ahmad @ Mohamad et al., 2022).

Hal ini juga ditegaskan dalam kajian yang dilaksanakan oleh Mitchell dan Fakhrudin (2022), yang mendapati tentang beberapa halangan kelestarian organisasi mengekalkan pensijilan piawaian kualiti adalah dari aspek sumber termasuklah seperti kekurangan pengurus yang

berkualiti untuk melaksanakan sistem pengurusan tersebut. Selain itu, aspek halangan dalam organisasi sendiri juga turut membataskan pelaksanaannya dengan berkesan seperti komitmen pengurusan, kepimpinan yang lemah, kurang kerjasama daripada jabatan dalaman, kesukaran menentukan tanggungjawab dan kuasa, kekurangan sistem pengiktirafan dan ganjaran, komunikasi dalaman yang lemah, kekurangan struktur organisasi, kekurangan misi dan visi yang jelas, tinjauan pengurusan yang tidak mencukupi, kurangnya proses pemantauan dan pengauditan dalaman yang tidak mencukupi.

Tambahan pula, isu kekurangan kemahiran dan ilmu-ilmu terkini dalam SPK turut menjadi cabaran dalam melestarikan pelaksanaannya di organisasi seperti yang dijelaskan oleh Burcher et al. (2008) dalam kajian mereka di Australia dan Britain.

Kesemua dapatan berkenaan boleh menyebabkan sokongan pihak pengurusan semakin rendah terhadap pelaksanaan SPK dalam organisasi masing-masing. Hal ini akan merumitkan lagi pencapaian matlamat dan perancangan organisasi berkenaan.

Tambahan pula hasil kajian oleh Yang et al. (2023) yang menegaskan bahawa antara batasan pelaksanaan pengurusan kualiti secara menyeluruh dalam organisasi yang dijalankan di Pakistan adalah kurangnya komitmen pihak atasan, tiada latihan dan pembangunan, kekurangan sumber dan sikap tidak mahu berubah. Oleh kerana itu, faktor penting dalam kejayaan pelaksanaan pengurusan kualiti secara menyeluruh semestinya adalah berpunca dengan sokongan dan komitmen daripada pihak pengurusan sendiri kepada aktiviti-aktiviti kualiti seperti yang ditegaskan oleh Ahmad @ Mohamad et al. (2022). Dengan kejayaan organisasi mengekalkan pensijilan piawaian SPK, maka para pelanggan akan lebih percaya kepadanya dan terus memilih untuk terus mendapatkan perkhidmatan atau memperoleh produk daripada syarikat berkenaan (Mohd Rizaimy et al., 2018).

Hal ini juga sangat dititikberatkan dalam ajaran Islam berkenaan dengan peranan dan sokongan yang dimainkan oleh para pemimpin bagi memastikan kejayaan sesebuah pasukan atau organisasi. Firman Allah SWT dalam *Surah al-Qasas*, ayat 26 yang menekankan tentang kepemimpinan yang berkesan berupaya mentadbir, mengurus dan melaksanakan amanah dengan dengan terbaik yang bermaksud:

“Sesungguhnya sebaik-baik orang yang kamu ambil bekerja ialah orang yang mempunyai ‘al-Quwwah’ (keupayaan mentadbir dan mengurus) serta ‘al-Amin’ (akauntabiliti dalam melaksanakan amanah)”.

Secara keseluruhannya, perkara-perkara tersebut harus diambil perhatian oleh pihak pengurusan organisasi agar pelaksanaan sistem pengurusan kualiti (SPK) mampu dilestarikan pada setiap masa dengan lebih berkesan tanpa membebankan pihak-pihak tertentu. Menerusi sokongan dan komitmen pihak pengurusan melalui bantuan kewangan, penambahan sumber manusia, dan fasiliti yang mencukupi sudah semestinya pelaksanaan sistem kualiti adalah berkesan.

Penglibatan dan Kerjasama Pekerja

Seterusnya, faktor kedua dalam memastikan kelestarian organisasi untuk mengekalkan pelaksanaan piawaian kualiti mereka adalah aspek penglibatan dan kerjasama pekerja dalam menjayakan cita-cita dan hasrat murni tersebut. Penglibatan pekerja merupakan prasyarat bagi

peningkatan SPK sesebuah organisasi selepas faktor komitmen pengurusan yang merupakan faktor pertama (Marija et al. (2020). Perkara ini disokong oleh dapatan kajian yang dilakukan oleh Ahmad @ Mohamad et al. (2022) yang membuktikan bahawa kerjasama daripada semua pihak bawahan mampu menjayakan pelaksanaan sistem pengurusan organisasi dengan berkesan. Malahan, aspek penglibatan para pekerja dalam menjayakan pelaksanaan SPK ini telah dipersetujui oleh ramai sarjana dalam kajian mereka masing-masing, antaranya seperti Stanojeska et al. (2020), kajian oleh Vasic et al. (2020) dan dapatan kajian oleh Mehdi et al. (2022).

Hal ini demikian kerana sebarang keputusan yang hendak dibuat, haruslah diselesaikan secara kolektif, bermesyuarat (secara Syura), partisipasi dari semua pihak sama ada di peringkat atasan mahupun bawahan; yang akhirnya memupuk semangat motivasi yang tinggi dan kesetiaan dengan organisasi yang beliau bertugas. Dalam mencapai sesuatu matlamat atau cita-cita yang ditetapkan oleh pengurusan, sudah semestinya perlu kepada penglibatan para pekerja untuk menjayakannya dengan dibantu oleh ilmu-ilmu baharu dan perkongsian kepakaran dan kemahiran antara satu sama lain (Vasic et al., 2020).

Aspek bermesyuarat dan berbincang terlebih dahulu bersama anggota organisasi telahpun disarankan dalam ajaran Islam menerusi kefahaman ayat al-Quran dalam *Surah Ali- 'Imran*, ayat 159 yang bermaksud:

“Bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (hal-hal keduniaan) itu.”

Dalam aktiviti yang membabitkan sistem kualiti sesebuah organisasi harus didokong oleh kerjasama setiap pekerja dengan memberikan sepenuh tenaga dan masa demi menjayakan perancangan yang ditetapkan. Hal ini telah ditegaskan oleh Mohd Norhasni dan Rohaizah et al. (2014) bahawasanya penglibatan semua pihak serta penghakupayaan pekerja oleh majikan semestinya mampu meningkatkan prestasi organisasi ke arah yang lebih positif dan terbuka.

Penekanan Nilai Teras dan Kerohanian

The goal of sustainable tourism is to reduce poverty, respect socio-cultural authenticity..... (TNR, 12, single spacing, justify). Akhir-akhir ini, kebanyakan organisasi sama ada di Barat, Timur ataupun negara-negara Muslim semakin menekankan aspek nilai-nilai murni ataupun elemen kerohanian dalam menjalankan sesuatu tugas atau pekerjaan. Hal ini demikian kerana elemen nilai murni dan kerohanian ini terbukti mampu membawa individu atau seseorang pekerja ke arah yang lebih positif dan berkualiti sepanjang masa. Menurut Beck dan Cowan (2000) dalam kajian mereka menegaskan bahawa sekiranya pihak pengurusan sesebuah syarikat sering menekankan kepada para pekerjanya tentang nilai-nilai murni semasa menyelesaikan tugas, serta sentiasa menumpukan kepada aspek kerohanian seperti beribadat kepada Tuhan; pasti organisasi tersebut akan beroleh kejayaan dan keberkatan. Malahan, segala cabaran yang datang dapat diatasi dengan sebaiknya tanpa sebarang risiko negatif yang terjadi.

Penekanan kepada nilai murni dan kerohanian ini (Hasan Al-Banna et al., 2023) berupaya menjadikan para pekerja yang mempunyai prinsip kerja yang teguh, tidak mudah mengalah, sentiasa menyerahkan segalanya kepada Tuhan (bertawakal) setelah berusaha sehabis baik. Perkara ini disokong oleh dapatan-dapatan kajian yang dilakukan oleh Siti Arni et al. (2019) dan Muhamad Fairuz et al. (2022) yang masing-masing mengkaji secara berkenaan dengan

nilai-nilai Islam dalam pelaksanaan sistem pengurusan kualiti (SPK) di IPT Malaysia. Tambahan pula, kajian oleh Hasan Al-Banna et al. (2021a) telah mendapati bahawa nilai murni seperti menyayangi pihak lain merupakan satu faktor yang menggalakkan pelaksanaan SPK dengan berkesan serta boleh menimbulkan kepuasan bekerja dalam kalangan pekerja.

Dapatan kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa pengamalan nilai-nilai murni berasaskan ajaran Islam dapat membantu dalam usaha melaksanakan sistem pengurusan kualiti secara efektif di IPT berkenaan dan sekaligus berupaya mengekalkan piawai dengan sebaiknya sehingga kini.

Hal ini terbukti dengan dokongan daripada ajaran Islam sendiri yang menekankan aspek nilai murni dan kerohanian seperti dalam al-Quran dari *Surah al-Taubah*, ayat 112 akan membentuk aura positif dalam kehidupan. Firman Allah SWT yang maksudnya:

“(Mereka itu ialah): orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang mengembara (untuk menuntut ilmu dan mengembangkan Islam), yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh berbuat kebaikan dan yang melarang daripada kejahatan, serta yang menjaga batas-batas hukum Allah. Dan gembirakanlah orang-orang yang beriman (yang bersifat demikian).”

Latihan dan Pembelajaran Berterusan

Menurut Alkhaldi dan Abdallah (2022) dalam kajian mereka bahawa aspek pendidikan dan latihan komprehensif secara berterusan juga merupakan salah satu faktor kritikal bagi menjayakan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti (SPK) dalam sesebuah organisasi pada masa kini. Malahan beberapa kajian lampau telah menegaskan bahawa program-program latihan serta pendidikan terhadap para pekerja berupaya meningkatkan daya saing, pertumbuhan perniagaan, pembangunan pasaran, peningkatan jualan dan keuntungan tahunan dalam syarikat (Baba et al., 2012). Dengan menghadiri latihan-latihan berkenaan dengan aspek pengurusan kualiti tersebut, ilmu pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam aspek sistem kualiti akan semakin bertambah, mampu meningkatkan produktiviti (Casalino et al., 2011) dan sekaligus mengurangkan kesilapan semasa menjalankan tugas mereka.

Menurut Melati dan Masduki (2022) dalam kajiannya turut mendapati bahawa pengurusan latihan dan pembangunan yang dipelopori oleh pihak pengurusan sumber manusia dalam sesebuah organisasi bakal mengubah sikap seseorang individu ke arah yang lebih positif, perubahan tingkah lakunya yang baik dan memperoleh pengalaman yang baharu, serta karakter dan sikap pekerja yang sentiasa inginkan kepada kualiti pada setiap masa. Hal ini bertepatan dengan pandangan Sjafriz Mangkuprawira dalam Melati dan Masduki (2022) yang menegaskan bahawa:

“Latihan bagi pekerja adalah satu prosedur pengajaran tertentu terhadap pengetahuan dan kemahiran serta sikap supaya pekerja tersebut lebih berkebolehan dan berkemampuan untuk melaksanakan tanggungjawab dengan lebih baik, mengikut sesuatu piawai tertentu”.

Malahan, dalam Islam turut mengangkat darjat orang beriman dan berilmu iaitu orang yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam sesuatu perkara dan mengamalkannya dalam kehidupan, seperti dalam *Surah Al-Mujadah*, ayat 11 yang maksudnya:

“Allah mengangkat darjat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berilmu beberapa darjat.”

Berteraskan pandangan dan sorotan kajian lalu, jelas menunjukkan bahawa aspek pendidikan dan latihan berterusan memainkan peranan penting untuk memastikan kelestarian amalan sistem pengurusan dan perkhidmatan berkualiti dapat diteruskan pada setiap masa (Baso et al., 2021), walaupun organisasi terpaksa menghadapi pelbagai cabaran yang mendatang.

Amalan Inovasi dan Kreativiti

Seterusnya, amalan inovasi dan kreativiti dalam kalangan pekerja semasa melaksanakan tugas harian dalam organisasi bakal menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan. Hal ini kerana budaya inovasi dan kreatif ini mampu menjadikan pekerja yang suka menyelesaikan sesuatu permasalahan menerusi teknik dan kaedah yang baharu pada setiap masa. Sesungguhnya, amalan tersebut berupaya melonjak kejayaan sesebuah organisasi ke tahap yang lebih gemilang dalam satu-satu masa serta mampu bersaing dengan sihat bersama-sama dengan syarikat atau pesaing yang lain.

Amalan inovasi ini perlu dibudayakan dalam kalangan para pekerja agar berupaya menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan cara yang terbaik, mudah, cepat dan berkesan.

Tambahan pula, Islam menganjurkan umatnya untuk sentiasa berfikiran kreatif dan inovatif dalam melaksanakan sesuatu tugas yang hendak diselesaikan. Hal ini terbukti dengan dengan gesaan untuk membuat persiapan dengan segala kelengkapan contohnya peralatan persenjataan dalam perang seperti dalam *Surah Al-Anfaal*, ayat 60 melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya.”

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kajian perpustakaan dengan merujuk kepada tinjauan literatur yang berkaitan melalui metodologi pembinaan tema atau kategori yang berkaitan. Menurut Trochim (2006), kajian kualitatif adalah sebagai reka bentuk kajian anjal kerana reka bentuk kajian kualitatif tidak menetapkan secara khusus apa dan bagaimana kajian hendak dijalankan pada awal kajian. Reka bentuk kualitatif sesuai untuk kajian bagi memahami fenomena atau konsep yang diakibatkan oleh sedikit kajian yang berkaitan dengannya telah dilakukan (Creswell, 2009). Kaedah kepustakaan ini sering digunakan oleh penyelidik untuk memperoleh data atau menghimpunkan beberapa informasi yang berkaitan dan relevan dengan kajian yang dijalankan. Segala pengumpulan data adalah tertumpu kepada pencarian di perpustakaan menerusi buku-buku ilmiah, jurnal-jurnal berindeks, laporan penyelidikan, kamus, ensiklopedia, artikel seminar, prosiding dan sebagainya sama ada secara media massa ataupun bercetak. Kajian kepustakaan ini juga memaparkan huraian yang sistematik berkenaan dengan sorotan literatur serta hasil penyelidikan sebelum ini yang ada kaitan ataupun maklumat yang relevan dan bersesuaian dengan penyelidikan yang akan dilaksanakan (Othman, 2006).

Berdasarkan literatur yang telah dikumpul daripada beberapa jurnal dan penerbitan yang berkaitan, maka penulis menetapkan kepada pembinaan dua tema utama yang telah dikenal pasti berkaitan topik yang dikaji iaitu tema pertama adalah Sistem Pengurusan Kualiti *Halal* atau Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (MS 1900:2014) dan tema kedua adalah berkenaan dengan faktor-faktor kelestarian sistem pengurusan kualiti.

Berdasarkan sorotan literatur juga, pembinaan tema yang berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi kemampuan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (MS 1900) telah dikenal pasti dan dibangunkan pula beberapa kategori utama iaitu diklasifikasikan kepada lima kategori. Kategori kelestarian pelaksanaan sistem tersebut meliputi Kategori Pertama: Sokongan Pemimpin dan Pengurus Kualiti. Seterusnya Kategori Kedua adalah Penglibatan dan Kerjasama Pekerja. Manakala Kategori Ketiga pula ialah Penekanan Nilai Teras dan Kerohanian. Adapun Kategori Keempat yang dikenal pasti dalam kajian ini adalah Latihan dan Pembelajaran Berterusan dan Kategori Terakhir adalah berkaitan dengan Amalan Inovasi dan Kreativiti yang ditunjukkan semasa melaksanakan sistem pengurusan kualiti tersebut dalam sesebuah organisasi.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Kajian literatur sangat menyokong faktor-faktor penting yang diperlukan untuk kejayaan dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (MS1900:2014). Apabila dianalisis melalui lensa *Maqasid Shariah*, setiap elemen tersebut mempunyai makna yang lebih mendalam dan sokongan yang lebih besar. Kesimpulan dapatan kajian ini boleh diringkaskan seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Kesimpulan Dapatan Data Kajian Kepustakaan

BIL.	TEMA	KATEGORI UTAMA
1.	SISTEM PENGURUSAN KUALITI <i>HALAL</i> ATAU SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN SYARIAH (MS 1900:2014)	-
2.	FAKTOR-FAKTOR KELESTARIAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI <i>HALAL</i> (MS 1900:2014)	KATEGORI PERTAMA: Sokongan Pemimpin dan Pengurus Kualiti.
		KATEGORI KEDUA: Penglibatan dan Kerjasama Pekerja.
		KATEGORI KETIGA: Penekanan Nilai Teras dan Kerohanian.
		KATEGORI KEEMPAT: Latihan dan Pembelajaran Berterusan.
		KATEGORI KELIMA: Amalan Inovasi dan Kreativiti.

Komitmen pengurusan adalah faktor penting dalam kejayaan melaksanakan piawaian MS1900:2014 (Sarion et al., 2015). Tambahan pula, komitmen pengurusan terhadap prinsip Syariah tersebut meningkatkan integrasi tadbir urus yang beretika dan amalan pengurusan kualiti dalam organisasi (Bustamam & Sarion, 2017). Komitmen ini amat penting untuk mewujudkan visi dan hala tuju strategik yang selari dengan nilai-nilai Islam (Hasan Al-Banna

et al., 2021b). Ia memastikan bahawa amalan operasi bukan sahaja mematuhi keperluan pensijilan *Halal*, tetapi juga merangkumi piawaian etika dan moral yang ditentukan oleh Syariah.

Penglibatan pekerja adalah penting untuk menjayakan pelaksanaan dan penghayatan Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (Dusuki & Abdullah, 2007; Said et al., 2018). Dapatan kajian ini telah menekankan kepentingan mewujudkan persekitaran inklusif yang menggalakkan penglibatan pekerja dalam penjanaaan idea dan membuat keputusan. Penyertaan aktif adalah penting untuk membangunkan perasaan tanggungjawab dan komitmen untuk mencapai pematuhan *Halal* dan meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan (Nazri & Omar, 2017; Jaiyeoba et al., 2023).

Penumpuan terhadap nilai-nilai moral dan kerohanian dalam budaya organisasi adalah penting untuk mencapai objektif piawaian MS 1900 (Ab Aziz et al., 2014). Mengutamakan prinsip etika Islam ke dalam operasi organisasi harian mampu menggalakkan persekitaran kerja yang mementingkan maruah, menggalakkan sikap saling menghormati, dan berupaya menegakkan nilai etika (Saeed et al., 2001). Di samping itu, penekanan kepada nilai-nilai moral dan rohani mampu memastikan pematuhan kepada Syariah dan meningkatkan kepuasan pekerja dan kepercayaan seseorang pelanggan.

Pendidikan dan latihan berterusan dalam prinsip Syariah dan amalan pengurusan kualiti adalah penting untuk meningkatkan dan mengekalkan keberkesanan Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (Zin & Adnan, 2016). Kajian ini menekankan kepentingan peluang pembelajaran berterusan untuk pekerja mengikuti perkembangan terkini dalam piawaian *Halal* dan teknik pengurusan kualiti (Hasan Al-Banna, 2016; Basir et al., 2017). Hal ini penting untuk mengekalkan daya saing organisasi dan pematuhan kepada keperluan Syariah.

Selain itu, promosi amalan inovasi dan kreativiti sambil berpegang kepada prinsip Syariah turut diutamakan untuk menangani cabaran pasaran *Halal* yang semakin berkembang (Elasrag, 2016; Purusottama et al., 2023). Justeru, kajian ini telah menekankan kepentingan menggalakkan budaya inovatif yang membolehkan penciptaan produk dan perkhidmatan baharu untuk memenuhi keperluan pengguna yang berubah-ubah sambil mengikut garis panduan etika Islam.

Pendekatan menyeluruh terhadap pengurusan kualiti yang melangkaui amalan konvensional boleh dicapai dengan memasukkan faktor-faktor ini ke dalam rangka kerja Islam yang berteraskan *Maqasid Syariah*. Prinsip Islam, seperti komitmen pengurusan, penglibatan pekerja, nilai moral dan kerohanian, pendidikan dan latihan berterusan, inovasi dan kreativiti, dan sebagainya, boleh membantu organisasi mencapai keseimbangan yang harmoni antara memenuhi piawaian *Halal* dan memenuhi objektif Syariah yang lebih luas. Perkara ini boleh dicapai dengan menerapkan prinsip-prinsip Islam demi mencapai *Al-Falah*, yang merangkumi kejayaan dunia dan akhirat, maka ia perlu ada keseimbangan kedua-dua aspek ini.

Secara umumnya, pelaksanaan MS1900:2014 dengan bantuan faktor-faktor tersebut, mampu meningkatkan daya saing luaran organisasi dan meningkatkan budaya dalaman mereka, seterusnya memupuk persekitaran kerja yang memuaskan dari segi rohani dan didorong dari segi etika. Untuk melaksanakan visi ini, adalah perlu untuk melakukan usaha bersepadu bagi

mengatasi halangan seperti penentangan terhadap perubahan, pelaburan berterusan dalam latihan pekerja, dan pembangunan amalan inovatif yang selaras dengan prinsip Syariah.

Kesimpulan

Kejayaan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti *Halal* atau Berasaskan Syariah (MS1900) berkait rapat dengan penggunaan prinsip Islam melalui Maqasid Syariah. Elemen komitmen pengurusan, penglibatan pekerja, nilai moral dan kerohanian, pendidikan dan latihan berterusan, serta inovasi dan kreativiti adalah saling berkaitan dan saling memperkuat dalam kerangka Islam. Kaedah komprehensif ini menjamin pematuhan kepada peraturan *Halal* dan mempertingkatkan prinsip etika dan moral organisasi, selaras dengan matlamat Syariah yang lebih luas.

Penemuan dapatan tersebut telah memenuhi objektif kajian ini iaitu terdapat hubungan signifikan berkenaan dengan lima faktor kritikal yang berupaya melestarikan pelaksanaan amalan sistem pengurusan kualiti *Halal* (MS1900) di sesebuah organisasi. Jika sekiranya kelima-lima faktor ini atau salah satu daripadanya diabaikan, pasti impak negatif akan berlaku dan nescaya matlamat organisasi tidak akan tercapai. Malah, amalan kualiti dalam diri para pekerjaanya tidakmampu untuk dikekalkan pada setiap masa.

Dapatan ini juga menyerlahkan lagi aspek pengaruh yang ketara bagi pendekatan Islam, berdasarkan *Maqasid Syariah*, yang boleh mempengaruhi kedua-dua aspek luaran dan dalaman sesebuah organisasi. Organisasi boleh berjaya mengharungi kerumitan pensijilan *Halal* dan mencapai kejayaan menyeluruh dengan mempromosikan budaya yang mementingkan tadbir urus beretika, keterangkuman, pembelajaran berterusan dan pemikiran inovatif. Kejayaan ini merangkumi kemakmuran kewangan, kerohanian yang mantap, kebajikan masyarakat dan penjagaan alam sekitar, yang mewakili kejayaan sebenar dari sudut pandangan Islam.

Penyepaduan prinsip-prinsip ini ke dalam sesebuah organisasi bakal menimbulkan cabaran dan peluang. Kepimpinan mesti komited, pekerja mesti terlibat, dan amalan organisasi mesti sejajar dengan piawaian etika Islam. Penulis memerlukan rangka kerja strategik untuk melaksanakan MS1900:2014 dan mewujudkan persekitaran yang meraikan nilai-nilai moral dan kerohanian, yang merangkumi latihan atau pendidikan dan amalan inovasi, serta mencapai objektif Syariah dengan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, penyelidikan ini mempunyai batasan dan limitasinya kerana ia hanya bersifat kualitatif secara kajian kepustakaan sahaja. Dapatan kajian hanya untuk pertambahan secara empirikal terhadap sorotan kajian yang berkaitan sahaja. Justeru, cadangan penyelidikan pada masa hadapan adalah kajian boleh tertumpu kepada organisasi yang sudah memiliki piawaian MS 1900 dengan mengkaji keberkesanaan dan impak pelaksanaannya berbanding dengan organisasi yang hanya memiliki sijil piawaian bersifat konvensional sahaja. Selain itu, kajian secara mod campuran juga harus dilaksanakan bagi mendapatkan impak sebenar hasil dari pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti *Halal* ini agar ia berupaya menjadi model idola kepada syarikat-syarikat lain dalam negara.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada *Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd*, yang memberikan kebenaran untuk penerbitan bagi artikel ini.

Rujukan

Al-Quranul Kareem.

- Ab Aziz, W. W., Mohamed, S. B., Ibrahim, Z., Muda, M. S., & Abdullah, A. H. (2014). Strengthening of Islamic Quality Management Practices through Culture of Perfection (Itqan) and the Value of Courtesy (Ihsan) toward the Business Performance of Muslim Entrepreneur. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 8(4), 237-244.
- Aghwan, Z., & Regenstein, J. (2019). Slaughter Practices of Different Faiths in Different Countries. *Journal of Animal Science and Technology*, 61(3), 111-121.
- Ahmad @ Mohamad, M. F., Ismail, M. H., Abdul Rahman, N. A., & Ahmad Nur Aizat Ahmad. (2022). Pelaksanaan TQM dalam Syarikat Pengilang Logam: Kajian Kes. *Research in Management of Technology and Business*, 3(2), 240-250.
- Alkhaldi, R. Z., & Abdallah, A. B. (2022). The Influence of Soft and Hard TQM on Quality Performance and Patient Satisfaction in Health Care: Investigating Direct and Indirect Effects. *Journal of Health Organisation and Management*, 36(3), 368-387.
- Anessi-Pessina, E., Barbera, C., Langella, C., Manes-Rossi, F., Sancino, A., Sicilia, M., & Steccolini, I. (2020). Reconsidering Public Budgeting after the COVID-19 Outbreak: Key Lessons and Future Challenges. *Journal of Public Budgeting, Accounting & Financial Management*, 32(5), 957-965.
- Anggarkasih, M., & Resma, P. (2022). *The importance of Halal Certification for the Processed Food by SMES to Increase Export Opportunities*. E3s Web of Conferences, 348, 00039.
- Aristana, I. N., Arsawan, I. W. E., & Rustiarini, N. W. (2022). Employee Loyalty during Slowdown of COVID-19: Do Satisfaction and Trust Matter?. *International Journal of Tourism Cities*, 8(1), 223-243.
- Arwa Md Isa & Siti Arni Basir. (2022). Kepentingan Mempertahankan Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah MS 1900 (SPK MS 1900) di Institusi Pengajian Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, April, 10(1), 1-10.
- Baba Md Deros, Nizaroyani Saibani, Bahrim Yunos, Mohd Nizam Ab. Rahman, & Jaharah A. Ghani. (2012). Evaluation of Training Effectiveness on Advanced Quality Management Practices. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 56, 67-73.
- Basir, S. A., Abdul Ghani Azmi, I., Syed Ismail, S. H., Ibrahim, P., & Hasan Al-Banna, M. (2017). Malaysian Islamic Quality Management System MS1900: An Implementation Steps at Malacca Zakat Center. *Humanomics*, 33(2), 239-254.
- Baso Achmat, Baharuddin, Misbahuddin, Saiful Irfan, Yusriadi Yusriadi, Dina Chamidah, & Herlina. (2021). *Analysis of Service Quality Improvement with Education and Training and Professionalism and Teamwork as Mediation Variables*. Proceedings of the International Conference on Industrial Engineering and Operations Management. Sao Paulo, Brazil, April 5 - 8, 2021.
- Bastas, A., & Liyanage, K. (2018). Sustainable Supply Chain Quality Management: A Systematic Review. *Journal of Cleaner Production*, 181, 726-744.
- Beck, D., & Cowan, C. (2000). *Spiral Dynamics. Mastering Values, Leadership and Change*. Malden, MA: Blackwell Publishers.
- Bustamam, U. (2023). *Strengthening Business Growth Model for Cooperatives through the Implementation of Shariah-Based Quality Management Standard MS1900:2014*. I-IECONS, 524-530.
- Bustamam, U. S. A., & Sarion, A. (2017). *Strategy Construction Towards Certification of Islamic Quality Management Standard, MS1900: 2014*. e-Proceeding International Halal Management Conference (IHMC), (p. 48).

- Casalino, N., D'Atri, A., & Braccini, A. M. (2011). A Quality Management Training System Concerning ISO Standards for Sustainable Organisational Change in SMEs. *International Journal of Productivity and Quality Management*, 9(1), 25-45.
- Chatzistelios, G., Kechagias, E. P., Gayialis, S. P., Papadopoulos, G. A., & Spyridonakos, N. E. (2022). *Business Continuity During the COVID-19 Pandemic Era: Surviving and Improving the Quality Process Management System*. WSEAS Transactions on Environment and Development, 18, 617-641.
- Donthu, N., & Gustafsson, A. (2020). Effects of COVID-19 on Business and Research. *Journal of Business Research*, 117, 284-289.
- Dusuki, A. W., & Abdullah, N. I. (2007). Maqasid al-Shariah, Maslahah, and Corporate Social Responsibility. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 24(1), 25.
- Elasrag, H. (2016). *Halal Industry: Key Challenges and Opportunities*. MPRA Paper. University Library of Munich, Germany.
- Fundin, A. (2018). *Strategies for Emergent Quality Management*. Proceedings of the 5th Participatory Innovation Conference 2018. PIN-C 2018. Eskilstuna, Sweden, 11–13 January, pp. 14-20.
- Fundin, A., Bergquist, B., Eriksson, H., & Gremyr, I.. (2018). Challenges and Propositions for Research in Quality Management. *International Journal of Production Economics*, 199, 125-137.
- Fundin, A., Lilja, J., Lagrosen, Y., & Bergquist, B.. (2020). Quality 2030: Quality Management for the Future. *Total Quality Management & Business Excellence*, 1-17.
- Guidara, A. (2022). The Quality Of Management Schools, The Ethical Behavior of Firms and Sustainability Level: A Cross-Country Investigation. *Arab Gulf Journal of Scientific Research*, 40(2), 102-117.
- Hamid, O., Ahmad, A., & Abdullah, M. (2022). Awareness of Halalan Toyayiban, HAS Practices, Export Readiness and Food SMES' Business Performance in East Coast Region, Malaysia. *Journal of Halal Industry & Services*, 5(1), a0000302.
- Hasan Al-Banna Mohamed, Norashikin Sahol Hamid, Siti Arni Basir, Mohd Hamran Mohamad, Abu Zaki Ismail & Amnah Saayah Ismail. (2023). *Implementasi Nilai Murni Dalam Mendepani Cabaran Kelestarian Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah*. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-8 (PASAK 8, 2023). 10 -11 Mei 2023. e-ISSN: 2811-4051, 1779-1789.
- Hasan Al-Banna Mohamed, Siti Arni Basir, Noor Azmi Mohd Zainol, Mohd Hamran Mohamad, Norashikin Sahol Hamid. (2021a). Cabaran Kelestarian Pelaksanaan Piawaian MS 1900 (Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah) di Kolej Komuniti Malaysia. *Al-Hikmah*, 13(2), 35-61.
- Hasan Al-Banna, M., Ab. Ghani, A. M., & Basir, S. A. (2016). Factors Influencing the Implementation of Islamic QMS in a Malaysian Public Higher Education Institution. *Total Quality Management & Business Excellence*, 27(9-10), 1140-1157.
- Hasan Al-Banna, M., Jalal, B., Ahmad, A., Basir, S. A., Mohamad, M. H. M., Ab Ghani, S., & Hamid, N. S. (2021b). Caring Values and Its Significance to Shariah-Based Quality Management System (MS 1900) Implementation among Malaysia's University Employees. *Zulfaqar: Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*, 4(2), 143-158.
- Hasan Al-Banna, M., Ummul Fahri, A. R., Wan Yusmawati, W. Y., & Norzaura, A., R. (2024). Cabaran Kelestarian Dalam Pelaksanaan Piawaian Sistem Pengurusan Kualiti: Satu Pengalaman Di Sebuah Universiti Berfokus. *Journal of Business and Social Development*, 12(1), March, 18-31.

- Hernández-Díaz, P., Polanco, J., & Castaño, S. (2020). Do Sustainability Practices Influence University Quality? A Colombian Case Study. *International Journal of Sustainability in Higher Education*, 21(7), 1525-1543.
- Jaiyeoba, H. B., Hossain, S., Mohd Salleh, H., & Elgharbawy, A. A. (2023). Corporate Social Responsibility as an Effective Promotional Tool for the Malaysian Halal Certified Companies in the Era of COVID-19. *Journal of Islamic Marketing*, 14(2), 317-341.
- Karim, R., Mahmud, N., Marmaya, N., & Hasan, H. (2020). The Use of Total Quality Management Practices for Halalan Toyyiban of Halal Food Products: Exploratory Factor Analysis. *Asia-Pacific Management Accounting Journal*, 15(1), 1-20.
- Malik, M., & Chaudhry, M. (2022). How Quality Management Practices Lead Innovation in Higher Education: A Framework for Universities' Sustainability in Pakistan. *International Journal of Management Research and Emerging Sciences*, 12(3), September, 177-191.
- Manresa, A. and Rivera, D. (2021). Excellence in Sustainable Management in a Changing Environment. *Sustainability*, 13(4), 2296.
- Marija Stanojeska, Robert Minovski, Bojan Jovanoski. (2020). Top Management Role in Improving the State of QMS under the Influence of Employee's Involvement: Best Practice from the Food Processing Industry. *Journal of Industrial Engineering and Management (JIEM)*, 13(1), 93-119.
- Maryati, T. (2020). Consumer Behavior Changes Post Pandemic Covid-19. *International Journal of Halal Research*, 2(2), 84-89.
- Maupa, H., Taba, M. I., & Baumassepe, N. (2019). Improving the Quality of Small and Medium Enterprises in South Sulawesi - Indonesia. *International Journal of Scientific & Technology Research*, 8(9), 980-984.
- Medne, A., Lapiņa, I., & Zeps, A. (2020). Sustainability of a University's Quality System: Adaptation of the EFQM Excellence Model. *International Journal of Quality and Service Sciences*, 12(1), 29-43.
- Mehdi Bouchetara, Ahlem Fatma Zohra Amrani, & Imad Eddine Bedaida. (2022). The Implementation of a Quality Management System in Accordance with ISO 9001: 2015 Standard: A Case Study. *International Journal of Economics and Business Administration*, X(1), 261-286.
- Melati Junita Afriati, & Masduki Ahmad. (2022). Quality Management Human Resource Training and Development. *Journal of Curriculum Indonesia*, 5(1), 63-69.
- Min, H., Yun, J., Geum, Y. (2018). Analyzing Dynamic Change in Customer Requirements: An Approach Using Review-Based Kano Analysis. *Sustainability* 10(3), 746
- Mohd Rizaimy, S., Siti Fairuza, H., Jamaludin, A., Nik Ramli, N. A. R., & Noor Fatimah Natashabiha, M. N. (2018). Determinants of ISO 9001 Quality Management System Effectiveness Amongst Electrical and Electronics Manufacturing Firms in Malaysia. *International Journal for Quality Research*, 12(3) 655-676.
- Muhamad Fairuz, A., Muhammad Fakhruddin, I., Hasiah, M. S., Mohd Nizam, J., Safiah, A. R., & Mohd Shupian, M. (2022). Analysis of Differences in the Achievement in Adoption of the Noble Values Among KUIPSAS Employees from 2018 to 2020. *Jurnal Al-Sirat*, 1(20), 65-69.
- Nazri, M. A., & Omar, N. A. (2017). *The Role of Corporate Social Responsibility in Halal Violation: Evidence from Malaysia*. e-Proceeding International Halal Management Conference (IHMC), p. 107.
- Nguyen, M., Phan, A., & Matsui, Y. (2018). Contribution of Quality Management Practices to Sustainability Performance of Vietnamese Firms. *Sustainability*, 10(2), 375.

- Otman, L. (2006). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim, Perak: UPSI Press.
- Othman, Y., Awang, M., & Shah, H. (2023). Legal and Regulatory Challenges of Halal Certification: Insights from Cosmetic Manufacturers on Halal Built-In Implementation. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(1), 322-335.
- Purusottama, A., Sunitiyoso, Y., & Simatupang, T. M. (2023). Exploring the Potential of Blockchain Adoption for Promoting Value Innovation: A Case of the Halal Industry. *Business Process Management Journal*, 29(7), 2034-2058.
- Purwanto, H., Rofiq, A., & Mashudi, M. (2020). Halal Assurance System (HAS) 23000 Perspective George Robert Terry. *International Journal of Islamic Business and Economics (IJIBEC)*, 4(2), 63-80.
- Ranängen, H. (2015). Stakeholder Management in Reality: Moving from Conceptual Frameworks to Operational Strategies and Interactions. *Sustainable Production and Consumption*, 3, 21-33.
- Rohaizah, S., Mohd Norhasni, M. A., & Zulkufli, A. (2014). *ISO 9000 Soft Factor and Organizational Performances: Examining the Relationship and Level of Implementation Using Rasch Model in Malaysian Automotive Companies*. 5th International Conference on Business and Economic Research (5th ICBER 2014) Proceeding, 24 -25 March 2014. Pullman Hotel, Kuching, Sarawak, Malaysia.
- Rusinko, C. (2005). Using Quality Management as a Bridge in Educating for Sustainability in a Business School. *International Journal of Sustainability in Higher Education*, 6(4), 340-350.
- Saeed, M., Ahmed, Z. U., & Mukhtar, S. M. (2001). International Marketing Ethics from an Islamic Perspective: A Value-Maximization Approach. *Journal of Business Ethics*, 32, 127-142.
- Said, R., Abd Samad, K., Mohd Sidek, N. Z., Ilias, N. F., & Omar, N. (2018). Corporate Social Responsibility Disclosure Index of Malaysian Shariah-Compliant Companies. *International Journal of Ethics and Systems*, 34(1), 55-69.
- Sarion, A., Bustamam, U. S. A., & Shahrudin, A. (2015). Towards MS1900: 2014 Quality Management System from Islamic Perspective: A Case Study at MACS. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 2(1), 8-17.
- Silva, C.S., Magano, J., Matos, A., & Nogueira, T. (2021). Sustainable Quality Management Systems in the Current Paradigm: The Role of Leadership. *Sustainability*, 13(2056), 1-21.
- Siti Arni, B., Sharifah Hayaati, S. I., Ilhaamie, A. G. A., Hasan Al-Banna, M., & Syahrul Nizam, K. (2019). Islamic Values in Quality Management System ISO 9000 Implementation: A Case Study in Malaysia Higher Education Institution. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2), 79-92.
- Siva, V., Gremyr, I., Bergquist, B., Garvare, R., Zobel, T., & Isaksson, R. (2016). The Support of Quality Management to Sustainable Development: A Literature Review. *Journal of Cleaner Production*, 138, 148-157.
- Tan, K., Ali, M., Makhbul, Z., & Ismail, A. (2017). The Impact of External Integration on Halal Food Integrity. *Supply Chain Management an International Journal*, 22(2), 186-199.
- Trochim, W. M. K. (2006). *The Research Methods Knowledge Base*. New York: Cornell University.
- Vasic, S., Delic, M., Brkljac, N., Vrhovac, V., & Zizakov, A. M. (2020). *Relations Between Key Elements of Quality Management: A Dematel Method Approach*. Proceedings on

25th International Joint Conference on Industrial Engineering and Operations Management–IJCIEOM: The Next Generation of Production and Service Systems, 235-243.

Wassan, A., Memon, M., Mari, S., & Kalwar, M. (2022). Impact of Total Quality Management (TQM) Practices on Sustainability and Organisational Performance. *Journal of Applied Research in Technology & Engineering*, 3(2), 93-102.

Yeşilyurt, B., Kitapçı, H., & Bozoğlu, O. (2022). Sustainability over Competition: The Rise of Sustainability in Quality Management. *International Journal of Contemporary Management*, 58(1), 22-29.

Zin, S. M., & Adnan, A. A. (2016). How do Intellectual Capital and Islamic Values Relate to Small Business Performance? A Conceptual Framework. *Journal of Applied Environmental and Biological Sciences*, 6(3S), 42-49.